

**Panel SPR Bersidang 18 April Bincang Syor Jawatankuasa Pilihan Khas
Bernama
9 April, 2012**

KUCHING, 9 April (Bernama) -- Anggota panel Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan bermesyuarat 18 April ini bagi membincangkan dan membuat keputusan berhubung 22 syor Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya.

Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata syor berkenaan sudah diterima SPR selepas diluluskan Dewan Rakyat 3 April lepas.

"Panel kami seramai tujuh orang ini akan meneliti kesemua syor itu sebelum membuat sebarang keputusan mengenainya," katanya dalam sidang berita selepas merasmikan taklimat untuk pegawai pengurus dan penolong pegawai pengurus pilihan raya di sini.

Katanya mereka tidak mahu membuat sebarang keputusan secara tergesa-gesa mengenai cadangan-cadangan itu kerana ia turut melibatkan undang-undang pilihan raya sedia ada dan perlu diperhalusi lagi dengan lebih mendalam.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657884>